

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

MATLAMAT KERAJAAN 2M DIJANGKA TERCAPAI...

□ DARI MUKA 6 □

penuh ikhlas. Diharap tidak ada satu kumpulan pun yang berani memutarbelitkan kenyataan itu. Begitu juga pandangan Dr M terhadap kaum bukan Melayu, khususnya orang Cina.

Bellau berpendapat bahawa orang Cina ingin kepada apa yang diberikan kepada orang Melayu, iaitu mengambil bahagian dalam pentadbiran negaranya. Dan orang Melayu sendiri ingin kepada kekayaan seperti juga yang dinikmati oleh orang Cina dalam bidang ekonomi.

Banyak lagi cabaran yang diduga akan Dr. M hadapi, samada di dalam atau luar negeri. Dan, segala cabaran ini akan dipikul bersama oleh Menteri-menteri yang terlantik.

Tidak perlu dinyatakan di sini tentang kehebatan golongan veteran seperti Tengku Razaleigh, Datuk Lee San Choon, Datuk Samy Vellu dan yang lain. Kita hanya mahu melihat bagaimana keadaannya nanti kalau tenaga lama ini digabungkan dengan tenaga baru seperti Adib Adam, Anwar Ibrahim dan tenaga-tenaga baru yang lain.

Pengalaman Encik Adib Adam sebagai Ketua Menteri Melaka sudah tentu boleh menolongnya melicinkan lagi pelaksanaan pentadbirannya di Kementerian Penerangan. Beliau memulakan karier politiknya dengan bertugas di Pejabat UMNO Selangor. Kemudian ditukarkan ke Ibu Pejabat UMNO Malaysia.

Kesempatan inilah yang telah memberikannya peluang melihat dari dekat perkembangan politik negara. Tambahan pula, apabila beliau dilantik sebagai Setiausaha Kerja UMNO. Ini telah membawanya ke peringkat "grass-root".

Encik Adib yang memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Air Panas dalam tahun 1978 dan kemudiannya dilantik menjadi Ketua Menteri Melaka, adalah tokoh tahan lasak. Beliau mengetahui Kerajaan Negeri takkala Melaka dalam kucar-kacir.

Semenjak zaman pentadbiran Encik Ghafar Baba, yang kemudiannya disambung oleh Datuk Talib Karim dan diambalih oleh Datuk Setia Haji Abdul Ghani Ali, politik Melaka sering digoncang oleh krisis demi krisis. Dan dalam pergolakan yang begitu rupalah Adib mencubakan dirinya. Boleh dikatakan politik Melaka agak tenang apabila Adib berada di puncak dan kini tugasnya itu telah diserahkan pula kepada tokoh baru, Encik Abdul Rahim Tamby Chik.

Dalam KABINET baru Dr M ini, Adib yang bercita-cita hendak meletakkan satu-satu standard yang boleh mengukir dirinya, memiliki ketokohan dan kualiti seperti Allahyarham Tun Dr. Ismail yang bersikap tegas dan jauh pandangan politiknya, telah ditugaskan menggantikan Datuk Mohamed Rahmat mengawasi Kementerian Penerangan.

Isu mengenai seks skandal yang kononnya berlaku antara artis dengan pegawai/pemberbit rancangan R7M, masih belum reda. Dan Encik Adiblah yang akan bertanggungjawab menyelesaikannya.

Tentu ada sesuatu sebab yang menggerakkan Dr. M meletakkan bekas Ketua Menteri Melaka ini di portfolio penerangan itu. Seperti pemimpin-pemimpin dalam setup 2M, Adib juga adalah tokoh yang teguh beragama. Dia berpendapat, pembangunan yang dilakukan, kalau tidak berdasarkan keteguhan rohani, akan runtuh.

Pengalamannya dan "exposure" di Eropah menyedarkannya bahawa pembangunan tanpa kengamaan akan kosong dan tidak bererti. Padanya,

pembangunan di Eropah — baik dari segi jasmuni dan ekonomi — semuanya kosong, kerana membelakangkan agama.

Suara hati Encik Adib agak selaras dengan hasrat Sdr. Anwar Ibrahim yang turut terlantik sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Sdr. Anwar yang terkenal bukan sahaja di dalam negeri, malah di luar negeri jua telah menyatakan bahawa dalam usaha pembangunan yang pesat perlu diperhatikan agar minat kita untuk membangun tidak akan menginjak dari dasar dan peringkat keutamaan yang telah ditetapkan dalam peraturan agama kerana kejayaan dan kemenangan dalam pengerlian yang sebenarnya akan hanya dicapai menurut garis-garis asas yang telah ditetapkan.

Perlu dilngat bahawa kupasan serta kajian mengenai konsep pembangunan dalam Islam tidaklah semata-mata merujuk kepada kecermerlangan zaman lampau sebagai model tanpa meneliti persoalan-persoalan semasa dan batasan-batasan yang wujud.

Nampaknya kehadiran tokoh-tokoh muda adalah untuk memainkan rentak dan irama yang sama. Tetapi, agak sayang juga kerana tokoh yang dijangka menyertai rentak dan irama yang sama ini tidak terlihat namanya dalam Kabinet waja 2M.

Tidak perlu dipersoalkan mengapa beliau tidak terpilih. Cuma yang perlu dibangkitkan ialah tentang bagaimanalah agaknya Encik Abdul Rahim Bakar, tokoh yang saya maksudkan itu, menjalankan pentadbirannya sekiranya dia dilantik menjadi Menteri atau Timbalan Menteri, melihatkan prestasinya memimpin Pahang satu masa dulu. Beliau terkenal dengan kelkhliaannya memimpin Kerajaan Pahang dulu, di samping mengambil berat tentang kesejahteraan rakyat jelata.

Kecenderungan Encik Abdul Rahim terhadap agama melibatkan beliau dalam perbincangan agama sama ada di kampung atau di peringkat lebih tinggi. Tapi nasibnya agak kurang baik. Beliau telah diarah meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar.

Tetapi, sesungguhnya kelasakan fizikal dan jasmani di samping ketekunannya beribadat telah memberikannya sumbangan kepada kekuatan yang menghadapi segala percubaan dan rintangan setakal ini. Moga-moga Allah akan meletakkannya di tempat yang wajar dalam arena politik tanahair pada satu masa yang hampir nanti.

Sekiranya segala aku dan jentera berjalan lancar, maka 2M akan memandunya menuju ke satu matlamat yang akan dapat kita banggakan bersama. Mengikuti kata Dr. M, dia berhasrat meningkatkan lagi prestasi pertumbuhan negara.

Walaupun dunia sedang mengalami kemerosotan ekonomi, Malaysia akan tetap mengawal keadaan setakal yang terdaya. Pelaburan dalam dan luar negeri akan terus digalakkan, di samping memajukan dan mempercepat industriisasi dengan menilikberatkan kepada dasar pelaburan yang sedia ada.

Rakyat sudah tentunya memberikan sokongan tidak berbelah bagi terhadap PM. Segala hasrat dan cita-cita untuk memajukan negara, mempertingkatkan perkembangan ekonomi, menghapuskan rasuah akan direstui Allah. Rakyat juga berbangsa dengan kebolehan Dr. M di luar negeri sudah mula memuji ramal wartawan luar negeri sudah sudah bernilai ketokohan Dr. M. Ada pula yang sudah bernilai membandingkan Dr. M dengan pemimpin besar dunia seperti De Gaulle dan Mao Tse Tong. ■